

**SOALAN LAZIM (FAQ):**

**Unit Tajaan Pendidikan (UTP), Bahagian Pembangunan Pelajar dan Jaringan Komuniti (HEP)**



Bil.	S/J	Keterangan										
1.	S:	Siapakah yang layak memohon tajaan pendidikan?										
	J:	Pemohon yang telah menerima surat tawaran rasmi dan telah mendaftar masuk sebagai pelajar UNISEL.										
2.	S:	Apakah jenis-jenis tajaan pendidikan yang boleh dimohon?										
	J:	Terdapat pelbagai jenis tajaan pendidikan seperti pinjaman dan biasiswa yang boleh dimohon mengikut terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak penaja. Maklumat lanjut, sila rujuk takwim tajaan pendidikan di portal pelajar; <a href="http://studentportal.unisel.edu.my">http://studentportal.unisel.edu.my</a>										
3.	S:	Bagaimanakah cara untuk memohon tajaan pendidikan?										
	J:	Permohonan tajaan pendidikan boleh dibuat secara dalam talian (online). Senarai jenis-jenis tajaan pendidikan beserta capaian ke laman sesawang boleh rujuk Takwim Tajaan Pendidikan Universiti Selangor yang terdapat di dalam portal pelajar. Contohnya permohonan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), rujukan di dalam portal pelajar; <a href="http://studentportal.unisel.edu.my">http://studentportal.unisel.edu.my</a>										
4.	S:	Bilakah tarikh ketetapan pembukaan permohonan tajaan pendidikan?										
	J:	Tarikh ketetapan bagi permohonan tajaan pendidikan adalah berbeza mengikut pihak penaja seperti yang tersenarai di dalam takwim tajaan pendidikan. Contohnya permohonan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tarikh permohonan adalah seperti berikut: <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th>Semester</th> <th>Ketetapan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="2">April</td> <td>01/04/202* - 30/04/202* (Kelompok 1)</td> </tr> <tr> <td>01/05/202* - 31/05/202* (Kelompok 2)</td> </tr> <tr> <td rowspan="2">Ogos</td> <td>01/08/202* - 31/08/202* (Kelompok 1)</td> </tr> <tr> <td>01/09/202* - 30/09/202* (Kelompok 2)</td> </tr> <tr> <td rowspan="2">November</td> <td>01/11/202* - 30/11/202* (Kelompok 1)</td> </tr> <tr> <td>01/12/202* - 31/12/202* (Kelompok 2)</td> </tr> </tbody> </table> <p style="text-align: center;"><b>202* - Tahun</b></p>	Semester	Ketetapan	April	01/04/202* - 30/04/202* (Kelompok 1)	01/05/202* - 31/05/202* (Kelompok 2)	Ogos	01/08/202* - 31/08/202* (Kelompok 1)	01/09/202* - 30/09/202* (Kelompok 2)	November	01/11/202* - 30/11/202* (Kelompok 1)
Semester	Ketetapan											
April	01/04/202* - 30/04/202* (Kelompok 1)											
	01/05/202* - 31/05/202* (Kelompok 2)											
Ogos	01/08/202* - 31/08/202* (Kelompok 1)											
	01/09/202* - 30/09/202* (Kelompok 2)											
November	01/11/202* - 30/11/202* (Kelompok 1)											
	01/12/202* - 31/12/202* (Kelompok 2)											
5.	S:	Siapakah individu yang layak membuat pengesahan salinan dokumen perjanjian tajaan pendidikan?										
	J:	Pengesahan dokumen/saksi yang layak berkaitan tajaan pendidikan lazimnya dari kalangan warganegara Malaysia yang berkhidmat di sektor kerajaan, berjawatan pegawai (minima;berkelulusan Ijazah).										
6.	S:	Berapakah jumlah kewangan yang akan ditaja/diterima?										
	J:	Jumlah tajaan kewangan lazimnya adalah berdasarkan yuran pengajian pelajar. Nilai yang ditaja adalah berbeza bergantung kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak penaja.										
7.	S:	Bolehkah pelajar menerima lebih dari satu tajaan pendidikan?										
	J:	<b>Tidak.</b> Pelajar hanya dibenarkan untuk menerima satu tajaan sahaja sepertimana dinyatakan dalam terma dan syarat oleh pihak penaja (pelajar tidak mempunyai/tidak terikat/perjanjian dengan penaja lain).										
8.	S:	Apakah yang perlu dilakukan sekiranya permohonan tajaan diluluskan?										
	J:	Pelajar perlu membuat maklum balas pengesahan tawaran penerimaan dan penghantaran dokumen tajaan kepada pihak penaja dalam tempoh yang ditetapkan. Kelewatan maklum balas akan menyebabkan tawaran tajaan terbatal.										
9.	S:	Apakah yang perlu dilakukan sekiranya permohonan tajaan pelajar tidak berjaya/gagal?										
	J:	Pelajar perlu membuat semula permohonan tajaan atau memohon pembiayaan pendidikan dari penaja lain. Ini bagi memastikan penaja dapat membayar yuran pengajian sebelum peperiksaan semester bermula.										
10.	S:	Bolehkah saya/ibu/bapa membuat pengeluaran KWSP untuk membayar yuran pengajian?										
	J:	Ya. Pengeluaran KWSP boleh dilakukan untuk bayaran yuran pengajian. Sila hubungi Unit Kewangan Pelajar dan Kawalan Kredit ( <b>UKPKK</b> ), Pejabat Bendahari UNISEL ditalian berikut: UKPKK Kampus Shah Alam ditalian 03-5522 3555, UKPKK Kampus Bestari Jaya ditalian 03-3280 5043 <b>atau</b> emailkan <a href="mailto:kwsp_sa@unisel.edu.my">kwsp_sa@unisel.edu.my</a> (Kampus Shah Alam) / <a href="mailto:kwsp_bj@unisel.edu.my">kwsp_bj@unisel.edu.my</a> (Kampus Bestari Jaya)										
11.	S:	Perluakah pelajar serahkan salinan surat tawaran tajaan pendidikan kepada Universiti?										
	J:	Ya. Pelajar yang telah mengesahkan penerimaan tajaan pendidikan perlu menghantar salinan <i>hardcopy</i> ke <b>UTP</b> dan <b>UKPKK</b> atau <i>softcopy</i> melalui emel kepada <a href="mailto:pentadbiran_hep@unisel.edu.my">pentadbiran_hep@unisel.edu.my</a> dan <a href="mailto:studentfinance@unisel.edu.my">studentfinance@unisel.edu.my</a> <b>kecuali</b> bagi pinjaman PTPTN.										
12.	S:	Bagaimanakah cara untuk menghubungi UTP, HEP?										
	J:	Sekiranya ada sebarang pertanyaan atau kemusyikilan, sila hubungi: UTP, HEP Kampus Shah Alam ditalian 03-5522 3478/3479 atau   whatsapp <a href="https://wa.link/8iapfq">wa.link/8iapfq</a> UTP, HEP Kampus Bestari Jaya ditalian 03-3280 5027/7702 atau   whatsapp <a href="https://wa.link/1rsvv5">wa.link/1rsvv5</a>										